



**PEJABAT PENGARAH KESIHATAN NEGERI
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

KEPADA	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan & Kualiti Makanan) Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) Ketua Unit Penyelia Jururawat Negeri Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan Negeri
DARIPADA	Pengarah Kesihatan Negeri
RUJUKAN	JKNS/109/27 (14)
TARIKH	6 Julai 2021
PERKARA	ARAHAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI BIL. 3/2021 MENGENAI PANDUAN PEMASANGAN JENIS TALIAN TELEFON PEJABAT DI JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR (JKNS)

YBrs.Dr / Tuan / Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Arahan Pengarah Kesihatan Negeri Bil. 3/2021– Panduan Pemasangan Jenis Talian Telefon Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan bagi penetapan talian telefon di Jabatan ini. Justeru itu, garis panduan ini diwujudkan sebagai langkah kawalan dalaman di Jabatan.

3. Bersama-sama ini dikemukakan Panduan Pemasangan Jenis Talian Telefon Pejabat di JKNS dan borang permohonan JKNS-UKP-07 untuk makluman dan tindakan semua Unit / Bahagian. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak YBrs.Dr / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)
No. Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR: 127761
Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri / Unit

**ARAHAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI BIL 3/2021
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

PANDUAN PEMASANGAN JENIS TALIAN TELEFON PEJABAT

TUJUAN

1. Arahan Pengarah Kesihatan Negeri Bil 3/2021 ini adalah bertujuan untuk memberi panduan yang jelas berkaitan kaedah pemasangan jenis talian telefon pejabat di Bahagian / Unit di Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).
2. Panduan ini dikeluarkan sebagai mekanisma pemantapan dan rujukan berkaitan pemasangan jenis talian telefon pejabat untuk kemudahan permohonan semua pihak yang berkaitan.
3. Arahan Pengarah Kesihatan Negeri Bil 3/2021 ini sama sekali tidak menggantikan atau mengubahsuai mana-mana pekeliling yang telah dikeluarkan berkaitan perkara ini tetapi hanyalah sebagai panduan dan kawalan dalaman untuk menetapkan pemasangan jenis talian telefon di Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

LATAR BELAKANG

4. Merujuk kepada surat perwakilan kuasa untuk meluluskan permohonan talian terus pejabat daripada KKM no.rujukan (10)d/m.KKM-58/300/3/6 Jld.6 bertarikh 24 Januari 2014, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor berperanan sebagai Pegawai Pengawal/Pelulus permohonan sebarang jenis pemasangan talian telefon di Bahagian / Unit dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. Peraturan-peraturan ini diwujudkan bagi mengawal

penggunaan telefon pejabat mengikut keperluan / kepentingan jawatan dan Jabatan.

PELAKSANAAN

5. Jabatan ini menetapkan kaedah pemasangan jenis talian telefon pejabat berpandukan **LAMPIRAN A**.
6. Sekiranya terdapat keperluan khas, kelulusan permohonan boleh dikemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri Selangor melalui Bahagian Pengurusan, JKNS dengan menyatakan justifikasi secara bertulis dan disokong serta disahkan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri di Bahagian masing-masing.

PEMAKAIAN


7. Arahan Pengarah Kesihatan Negeri Bil 3/2021 ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Bahagian / Unit dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Jabatan Kesihatan Negeri Selangor untuk diguna pakai.

TARIKH KUATKUASA

8. Arahan Pengarah Kesihatan Negeri Bil 3/2021 ini berkuatkuasa mulai dari tarikh arahan ini dikeluarkan.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' INDERA DR. SHA'ARI BIN NGADIMAN)

No. Pendaftaran Penuh MPM: 26842, NSR: 127761

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor

LAMPIRAN A**KAEDAH PENETAPAN JENIS TALIAN TELEFON PEJABAT
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

Bil.	Kategori / Jenis Talian	Keterangan	Pegawai
1.	Kategori A1	Boleh mendail talian ke dalam dan luar negara serta talian telefon bimbit	• Pengarah Kesihatan Negeri • Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri • Setiausaha Pejabat
2.	Kategori A2	Boleh mendail talian ke seluruh negara (Malaysia) dan talian telefon bimbit	• Ketua Unit / Cawangan / Seksyen
3.	Kategori B	Boleh mendail talian dalam Negeri Selangor	• Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan I
4.	Kategori C	Boleh mendail talian ke sambungan PABX sahaja	• Kumpulan Sokongan I dan Sokongan II

*** Nota :-**

Pegawai / Kakitangan dibenarkan untuk mempunyai talian telefon seperti di atas. Walau bagaimanapun, sebarang permohonan menaiktaraf talian untuk pegawai / kakitangan yang tidak mengikut kelayakan di atas, permohonan tersebut perlu dibuat kepada Pengarah Kesihatan Negeri Selangor melalui Bahagian Pengurusan beserta justifikasi permohonan dan sokongan serta kelulusan dari Ketua Bahagian.

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional mewakili Gred 41 dan ke atas
Kumpulan Sokongan I mewakili Gred 19 sehingga Gred 40
Kumpulan Sokongan II mewakili Gred 1 sehingga Gred 16**

**BORANG PERMOHONAN PEMASANGAN TALIAN TELEFON PEJABAT
BAHAGIAN PENGURUSAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

A. BUTIRAN PEMOHON			
Nama			
*Gred / Jawatan			
*Bahagian / Unit			
Emel			
B. BUTIRAN PERMOHONAN			
*Jenis Permohonan :	☐ BARU	☐ NAIK TARAF	
*Kategori Talian Sedia Ada :	☐ A	☐ B	☐ C
*Kategori Talian Dimohon :	☐ A	☐ B	☐ C
*Justifikasi Permohonan :			
C. PENGESAHAN TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI BAHAGIAN ULASAN :			
Tandatangan & Cop Pemohon		Tandatangan & Cop TPKN	
Tarikh :		Tarikh :	
D. SOKONGAN KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN			
Tandatangan & Cop Ketua Bahagian Pengurusan			
PERMOHONAN : DISOKONG / TIDAK DISOKONG			
Tarikh :			
E. KELULUSAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI			
Tandatangan & Cop Pengarah Kesihatan Negeri			
PERMOHONAN : DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN			
Tarikh :			